

**PEJABAT BENDAHARI
KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN**

KUiTTHO.(PB)10.12/14(22)

Tarikh: 12 April 2005

SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 2/2005

Semua Pengurus Bahagian
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

Y. Bhg. Prof/Tuan/Puan

PEMBAYARAN TUNTUTAN HOTEL OLEH JEMPUTAN LUAR

1.0 PENDAHULUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pengurus Bahagian berkenaan pembayaran tuntutan pihak hotel apabila menjemput penceramah daripada luar bagi tujuan program ceramah, syarahan, kursus ataupun aktiviti universiti.

2.0 LATARBELAKANG

- 2.1 Universiti menggunakan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 1995 bagi pembayaran kepada individu luar yang dijemput sebagai pensyarah/penceramah untuk menyampaikan ceramah, syarahan bagi kursus atau aktiviti universiti yang lain.
- 2.2 Pekeliling ini tidak menjelaskan tentang tuntutan hotel penceramah dan lain-lain caj yang dilibatkan seperti caj makan, telefon dan sebagainya.
- 2.3 Berdasarkan amalan lepas, universiti membenarkan PTJ membuat tempahan hotel bagi tujuan penginapan individu yang dijemput ke KUiTTHO bagi memberikan kemudahan kepada individu terbabit..
- 2.4 Kebiasaannya individu luar yang dijemput bagi memberi ceramah atau syarahan akan dibayar sejumlah honorarium yang telah diluluskan oleh universiti.

3.0 PERATURAN BARU

- 3.1 Pihak universiti hanya bertanggungjawab membayar caj hotel mengikut kelayakan penceramah.
- 3.2 Sekiranya berlaku tuntutan bil dari pihak hotel selain dari bayaran caj hotel, seperti caj makan, telefon, dobi dan lain-lain, pihak universiti tidak akan menanggung kos-kos tersebut. Sebaliknya ia akan ditanggung oleh Pengurus Bahagian atau Pegawai yang bertanggungjawab dalam pelaksanaan program atau aktiviti tersebut.
- 3.3 Pejabat ini akan membuat potongan gaji staf berkaitan dengan mengeluarkan notis potong gaji atau membayar secara tunai di Pejabat Bendahari.
- 3.4 Urusetia PTJ perlu memaklumkan kepada pihak hotel supaya tidak memasukkan caj-caj lain di dalam bil penginapan hotel selain bayaran sewa hotel.


4.0 KUATKUASA SURAT PEKELILING

Surat pekeliling ini berkuatkuasa pada tarikh ianya dikeluarkan Kerjasama dan perhatian Y. Bhg. Prof./Tuan/Puan adalah diharapkan agar dapat memanjangkan perkara ini kepada staf di bahagian masing-masing.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang benar,



ABU BAKAR BIN HUSSAIN

Bendahari

☎6007

- s.k* - *Rektor*
- *Timbahan Rektor (Hal Ehwal Pelajar)*
- *Timbalan Rektor (Akademik)*
- *Ketua Unit Audit Dalam*